

12/09/1999

Perak juara hoki lelaki bawah 18

Jalal Ali Abdul Rahim

PENANTIAN 12 tahun Perak untuk bergelar juara lelaki kejohanan hoki bawah 18 tahun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) berakhir semalam setelah menundukkan Negeri Sembilan 2-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Azlan Shah, Ipoh.

Pelatih kebangsaan, Tajol Roslie Mohamed, menjadi wira Perak apabila menjaringkan gol kemenangan melalui pukulan sudut penalti pada minit ke-42.

Enam minit sebelum itu, Tajol Roslie yang dipilih pemain lelaki terbaik, membuka laluan untuk Perak membuka tirai jaringan apabila umpanannya disudahkan oleh Husin Kamaruddin.

Namun, Negeri Sembilan yang lebih dahulu mengancam. Malangnya, percubaan A Suresh seawal minit ke-10, gagal menepati sasaran.

Peluang pertama Perak menyusul 10 minit kemudian hasil percubaan Mohd Ridwan Mohamad Nasir tetapi dihalang penjaga gol lawan.

Dua lagi peluang memihak Negeri Sembilan selepas itu, didahului oleh percubaan ketua pasukan, Norazlan Rahim (m-25) dan disusuli satu pukulan sudut penalti pada minit ke-30. Kedua-duanya gagal dimanfaatkan.

Babak kedua nyata berpihak kepada Perak yang menyumbat kedua-dua golnya dalam tempoh tujuh minit di samping merangka deretan peluang yang lain.

Bagaimanapun, ketika pemain Perak agak leka, Negeri Sembilan merapatkan jurang menerusi jaringan Norazlan pada minit ke-55.

Final bahagian perempuan pula menyaksikan Sekolah Sukan membalas dendam terhadap Terengganu 1-0.

Dua tahun lalu, kedua-dua pasukan itu bertemu dalam perlawanan akhir yang dimenangi Terengganu.

Gol kemenangan Sekolah Sukan dijaringkan oleh Nor Bismi Yamnun Abd Rashid pada minit ke-38.

SENARAI PENGHORMATAN:

Lelaki - Juara: Perak; Naib juara: Negeri Sembilan; Ketiga: Melaka mn Pahang 5-1.

Penjaga gol terbaik: Mohd Mahathir Thayin (Prk); Pemain Terbaik: Tajol Roslie Mohamed.

Fair play: Negeri Sembilan.

Perempuan - Juara: Sekolah Sukan; Naib juara: Terengganu; Ketiga: Perak mn Pahang 4-0.

Penjaga gol terbaik: Ruslina Hassan (Terengganu); Pemain terbaik: Nasrina Mohamad (Sekolah Sukan).

Fair play: Perak.

(END)